

Bolehkah ketuanan Melayu dan 1Malaysia bersama?
Malaysiakini.com
Disember 11, 2010

Kenyataan presiden MCA, Datuk Seri Dr Chua Soi Lek pada konvensyen BN baru-baru ini mungkin tidak menyenangkan pelbagai pihak dan tidak kurang pula yang menganggapnya sebagai keterlaluan.

NONEJusteru, tidak menghairankan beberapa pemimpin Umno segera dengan lantang membidas cadangan Chua itu supaya perkataan seperti 'pendatang' dan 'ketuanan Melayu' tidak lagi digunakan.

Tetapi bagi setiausaha agung BN dan Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor, pertikaman lidah antara pemimpin MCA dan Umno itu sesuatu yang dijangkakan kerana setiap parti mewakili pandangan masyarakat masing-masing.

"Kebanyakan parti adalah berasaskan perkauman dan setiap parti bebas memperkatakan apa yang mereka ingin luahkan. Apa yang diperkatakan oleh Chua adalah adalah pandangannya dan hujah yang sama untuk Umno. Tetapi kita boleh menggunakan proses yang ada bagi mencapai kesepakatan," katanya.

Sehubungan itu, perselisihan fahaman tersebut dikatakan tidak akan menggugatkan gabungan berkenaan dan dianggap perkara kecil.

"Ia perkara kecil dan bukan seperti raksasa yang ingin digambarkan oleh pembangkang dan media (seperti Malaysiakini)," kata Tengku Adnan.

Namun keenganan beberapa pemimpin utama BN, termasuk ketua penerangan Umno, Ahmad Maslan untuk tidak membuat sebarang ulasan membuktikan isu berkenaan bukan sekecil seperti yang didakwa.

NONEMalah, Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, yang pada ucapannya pada tahun lalu mencadangkan 'ketuanan Melayu' digantikan dengan perkataan yang lebih boleh diterima seperti 'kepimpinan Melayu' - kali ini memilih untuk tidak lagi menjadi kontroversi.

"Salah satu fakta utama konsensus daripada Konvensyen BN adalah kita bersetuju mengurangkan perbalahan antara parti dan beri tumpuan untuk berkhidmat kepada rakyat," katanya.

Menurut Khairy, polemik itu yang juga mengheret sama naib presiden Umno dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishamuddin Hussein, Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Puad Zarkashi dan timbalan pengerusi biro publisiti MCA, Loh Seng Kong sebagai "contoh utama masa dan tenaga dibazirkan dengan berlawanan sesama sendiri".

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/150526>